



● Mohd Roslan menunjukkan DVD cetak rompak yang dihasilkan oleh mesin memproses DVD yang dirampas kelmarin.

Mesin, DVD cetak rompak RM8 juta dirampas

Bina 'lorong tikus' bagi memudahkan pekerja lari jika diserbu pihak berkuasa

NURUL RIDUAN NOR ASHAHA

SUNGAI BULOH – Siapa sangka sebuah gudang di Kampung Jaya Industrial dekat sini, yang dijadikan kilang perabot di beberapa lot di hadapannya menjadi lokasi menghasilkan Digital Video Disc (DVD) cetak rompak.

Premis yang mempunyai sistem kawalan kamera litar tertutup (CCTV) di empat bahagian itu mampu mengawal kehadiran pihak berkuasa yang melakukan serbuan.

Lebih mengejutkan, pemilik premis haram itu turut membina 'lorong tikus' bagi memudahkan pekerjajanya memboloskan diri daripada ditahan penguatkuasa serta mengelakkan kegiatan haram itu diketahui.

Bagaimanapun, kegiatan

haram yang mendatangkan pulangan lumayan selama hampir setahun beroperasi itu lumpuh apabila diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNDHEP) kira-kira jam 6.30 petang kelmarin.

Sebuah premis di Subang yang melakukan kegiatan serupa turut diserbu pada hari yang sama kira-kira jam 9.30 pagi selepas hasil risikan yang dilakukan selama seminggu.

Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasa, KPDNDHEP, Mohd Roslan Mahayudin berkata, hasil serbuan ke atas kedua-dua premis, pihaknya merampas tiga buah mesin membuat cakera yang mampu menghasilkan 20,000 cakera optik setiap hari.

"Turut dirampas, 82 beg Polycarbonate seberat 25 kilogram setiap satu iaitu bahan utama untuk membuat cakera optik dan 21,000 keping DVD permainan komputer serta filem cetak rompak yang kesemua nilai barang rampasan dianggarkan berjumlah RM8 juta," katanya kepada media, semalam.

**mesin
lorong**

Menurutnya, ketika serbuan dilakukan, proses membuat DVD tidak dilakukan dan kesemua pekerja premis haram tersebut dapat melarikan melalui 'lorong tikus'.

"Beberapa dinding premis terpaksa dipecahkan semasa serbuan dan tiada tangkapan dilakukan kerana pekerja telah melarikan diri melalui lorong ciptaan. Kemungkinan mereka dapat menghidu keha-

diran pihak berkuasa," katanya.

Katanya, tiga mesin membuat cakera yang dirampas itu tidak dibenarkan untuk kegunaan industri dan pihaknya percaya, pemilik premis menyeludup masuk mesin itu secara haram.

Beliau berkata, pihaknya kini sedang mengenal pasti pemilik premis dan tidak menolak kemungkinan kedua-dua kilang terbabit ada kaitan berdasarkan struktur dan pintu keluar-masuk yang menghubungkan kedua-dua kilang berkenaan.

Kes akan disiasat di bawah Seksyen 4 Akta Cakera Optik 2000, yang membawa hukuman denda RM250,000 atau penjara tiga tahun, atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.